



## SIARAN AKHBAR

### **AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM AKAN MENJALANKAN KAJI SELIDIK KE ATAS PERNIAGAAN-PERNIAGAAN UNTUK INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (*BUSINESS SENTIMENT INDEX*)**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) akan menjalankan kaji selidik ke atas perniagaan-perniagaan yang terpilih untuk menubuh Indeks Sentimen Perniagaan (*Business Sentiment Index*, BSI) mulai 1 April 2020. Kaji selidik ini dijangka akan dilaksanakan secara bulanan.
2. Indeks Sentimen Perniagaan ini akan diterbitkan secara bulanan dengan objektif untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan-perniagaan di Negara Brunei Darussalam. Lebih daripada 600 perniagaan daripada pelbagai sektor ekonomi di Negara Brunei Darussalam telah dipilih untuk mengikut serta dalam kaji selidik ini.
3. Perniagaan-perniagaan yang terpilih akan menerima persuratan memaklumkan mengenai penglibatan masing-masing dalam kaji selidik ini. Perniagaan-perniagaan tersebut juga dipohonkan untuk melantik seorang wakil yang bersesuaian untuk ditemubual. Temu bual tersebut akan dijalankan oleh beberapa kakitangan AMBD yang akan memperkenalkan diri sebelum sesi temu bual dimulakan.
4. Soalan-soalan yang akan diajukan adalah berkaitan dengan keadaan atau iklim perniagaan pada masa ini dan pada masa hadapan, pelaburan, pengambilan pekerja, serta kos menjalankan perniagaan. Maklum balas terhadap soalan-soalan yang akan dikemukakan dijangka bersifat kualitatif. Kesemua maklumat dan pandangan yang diberikan adalah sulit. Tiada maklumat peribadi akan dipohonkan selain daripada nama dan maklumat perbuhangan.
5. Mengukur tahap keyakinan perniagaan adalah penting kerana ia merupakan penunjuk utama bagi iklim perniagaan dan tahap keadaan ekonomi sesebuah negara secara amnya. Keyakinan para peniaga merupakan elemen penting bagi pertumbuhan perniagaan dan pelaburan, di samping dapat menyokong peningkatan peluang pekerjaan. Oleh itu, BSI akan memberikan maklumat tambahan yang bermanfaat mengenai keadaan ekonomi Negara Brunei Darussalam dari perspektif para peniaga di negara ini. Maklumat yang dikumpul secara berterusan ini juga diharap akan dapat membantu para penggubal dasar untuk menghasilkan dasar-dasar yang tertentu dalam terus menyokong pembangunan ekonomi.
6. Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai kaji selidik ini, orang ramai bolehlah merujuk kepada nota teknikal dan senarai di laman sesawang AMBD ([www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn)). Responden-responden yang ingin mengesahkan kesasihan penemubual juga boleh menghubungi pihak AMBD di talian 2382262.

#### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 9 Rejab 1441H / 4 Mac 2020M

Rujukan: AMBD/COMMS/3